

Jangan terlalu bangga dengan peningkatan prestasi — Mahathir

UM. 11 OCT 1990

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kakitangan perkhidmatan awam tidak harus terlalu bangga dengan peningkatan prestasi kerajaan sehingga menyebabkan mereka lalai.

"Kita haruslah berbangga hanya untuk menggalakkan kita memberi perkhidmatan yang bermutu, serta meningkatkan lagi daya pengeluaran dan kecemerlangan perkhidmatan kita," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, masih banyak lagi yang harus diperbaiki untuk mencapai satu tingkat daya pengeluaran dan prestasi yang lebih setimpal dengan harapan rakyat dan negara.

Berucap melancarkan majalah *Khidmat* terbitan Unit Pemodenan Tenaga Manusia (MAMPU) dengan kerjasama Berita Publishing di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah merakamkan peningkatan prestasinya secara terbuka dalam manifesto parti pemerintah.

Majalah berkenaan yang diterbitkan dua bulan sekali dan mengandungi berita-berita mengenai perkhidmatan awam dijual dengan harga \$4.50 senaskhah.

"Setakat ini jentera pentadbiran kerajaan mempunyai rekod pencapaian yang baik dan telah

mendapat pujian daripada negara-negara Komanwel dan Bank Dunia," katanya.

Katanya, kerajaan adalah komited untuk memperbaiki segala perkhidmatan awam, terutama perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat.

Beliau berkata, proses meningkatkan penggunaan automasi atau penggunaan alat-alat komputer, mesin dan teknologi-teknologi pentadbiran yang moden di agensi-agensi kerajaan akan dipertingkatkan lagi secara berterusan.

"Kerajaan yakin peningkatan automasi ini akan juga meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam," ujarnya.

Katanya, untuk mencapai satu tingkat perkhidmatan yang bermutu kerajaan akan meneruskan pengendalian latihan-latihan yang sesuai untuk kakitangan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan telah memudahkan berbagai-bagai peraturan untuk kesenangan orang ramai dan pihak swasta, terutamanya untuk para pelabur membuat urusan dengan agensi-agensi awam.

Perdana Menteri juga berkata, orang ramai sudah mulai menyedari perkembangan-perkembangan yang membawa manfaat kepada mereka